

HARGA GAS ASLI
GAS MALAYSIA ENERGY & SERVICES SDN. BHD.
DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Putrajaya, 6 Disember 2019 – Kerajaan telah bersetuju untuk menetapkan harga jualan gas asli di segmen pengagihan yang dibekalkan oleh Gas Malaysia Energy & Services Sdn. Bhd. (GMES) untuk tempoh dua (2) tahun bermula 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2021 dengan semakan harga jualan gas asli pada setiap tahun.

Sehubungan itu, Kerajaan memutuskan supaya purata harga jualan gas asli GMES ditetapkan pada kadar RM33.65/mmBtu untuk tempoh satu tahun bermula 1 Januari hingga 31 Disember 2020 iaitu 2.91% atau RM1.01/mmBtu lebih rendah berbanding purata harga jualan gas asli semasa. Ini adalah bagi menangani situasi kenaikan kos menjalankan perniagaan di Semenanjung Malaysia serta ketidaktentuan harga pasaran gas asli global.

Jadual harga jualan gas asli bagi pelanggan-pelanggan GMES mengikut kategori untuk tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2020 ditetapkan seperti berikut:

Kategori	Purata Penggunaan Gas Tahunan (mmBtu)	Harga Jualan Semasa		Harga Jualan Berkuatkuasa 1 Jan - 31 Dis 2020
		Harga Asas	Harga Selepas Surcaj	
		(RM/mmBtu)		
A	Peruncit Untuk Pengguna Perumahan	23.52	25.44	25.10
B	0 - 600	30.40	32.32	31.71
C	601 - 5,000	30.56	32.48	31.86
D	5,001 - 50,000	30.86	32.78	32.15
E	50,001 - 200,000	32.20	34.12	33.45
F	200,001 - 750,000	32.20	34.12	33.45
L	Melebihi 750,000	33.28	35.20	33.99
Purata		32.74	34.66	33.65

Penetapan harga jualan gas asli GMES seperti di atas tidak melibatkan gas asli untuk kenderaan (*natural gas vehicle* - NGV) dan gas petroleum cecair (*liquefied petroleum gas* - LPG) yang dibekalkan melalui tong gas atau secara pukal.